

PPUMS perlu aktif bantu ahli

► *Hala tuju jelas dan komitmen jadi tunjang kejayaan*

UB 31.7.2016 B4

KOTA KINABALU: Hala tuju yang jelas dan komited merupakan dua tunjang yang mendasari kejayaan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) dalam memastikan objektif persatuan itu tercapai.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, sepanjang 11 tahun PPUMS ditubuhkan, beliau melihat persatuan itu mempunyai hala tuju yang jelas selain komited terhadap objektif persatuan, membolehkan PPUMS terus bergerak aktif sebagai antara persatuan di UMS yang mampu membawa manfaat kepada para ahlinya.

“Saya menyarankan agar PPUMS bergerak pantas untuk kekal relevan sebagai persatuan yang disegani, baik oleh para ahli, dalam kalangan pegawai dan warga UMS yang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Mesyuarat Agung

Tahun (MAT) ke-10 PPUMS di Bankuasi, Dewan Canselor, UMS.

Turut hadir Pendaftar UMS No'man Hj. Ahmad, Ketua Pustakawan Dayang Rukiah Ag. Amit dan Presiden PPUMS Azmi Jumat.

Harun menambah, di samping memperjuangkan kebijakan para ahli, PPUMS juga harus menitikberatkan penambahbaikan dalam soal membantu UMS



AZMI (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Datuk Harun (tengah).

menyampaikan dasar-dasar yang dibuat oleh universiti selain bertindak sebagai role model kepada kakitangan sokongan.

Pada mesyuarat

agung itu, Jawatankuasa Eksekutif PPUMS telah membentangkan laporan berkenaan perkembangan terkini persatuan di samping membawa beberapa usul

untuk dibincangkan.

Mesyuarat diakhiri dengan majlis sambutan Aidilfitri yang diserikan dengan kehadiran semua ahli dan tetamu kehormat.



AHLI PPUMS mengambil gambar kenang-kenangan bersama Datuk Harun.